

PROSEDUR PENGHANTARAN SAMPEL UNTUK MENJALANI UJIAN DNA DI JABATAN KIMIA MALAYSIA BAGI PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN MALAYSIA

Makluman secara surat rasmi daripada Kementerian Dalam negeri (KDN) yang meminta tuan/puan dan anak menjalani Ujian DNA



Muat turun borang permohonan ujian DNA dan borang pemungutan spesimen darah dari laman web Jabatan Kimia Malaysia iaitu <http://www.kimia.gov.my/bm/borang.html>



Spesimen darah “Bapa”, “Ibu” dan “Anak” diambil di mana-mana hospital/klinik kerajaan atau swasta yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia



Pastikan pihak doktor menulis nama dan nombor kad pengenalan / nombor surat beranak dengan betul pada setiap tiub spesimen darah yang diambil dan pada borang pemungutan spesimen darah



Sekurang-kurangnya 1mL spesimen darah diperlukan bagi setiap individu dan disimpan ke dalam tiub EDTA



Isi borang untuk permohonan ujian DNA dan bawa atau pos spesimen darah, borang pemungutan spesimen darah, borang permohonan ujian DNA dan bayaran ke Seksyen Forensik DNA, Jabatan Kimia Malaysia



Bayaran yang dikenakan adalah RM 1,500.00 bagi dua sampel dan RM 200.00 bagi setiap sampel tambahan. Contoh: Bayaran bagi tiga sampel adalah RM 1,700.00. Bayaran penuh perlu dilakukan semasa pendaftaran sampel sama ada secara cek berpaling / ~~wang pos~~ / bank draf kepada ‘Ketua Pengarah Kimia Malaysia’.



Keputusan dan laporan kimia akan dikeluarkan dalam masa 25 hari dari tarikh pendaftaran sampel. Laporan boleh diperolehi dengan mengambil sendiri di kaunter Forensik atau secara pos berdaftar (ditandakan pada borang).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Seksyen DNA Forensik,
Bahagian Forensik,
Jabatan Kimia Malaysia,
46661 Petaling Jaya,
Tel: 03-79853842**